

Tema Pendidikan dalam novel Hatimu Aisyah karya Zurinah Hassan: Analisis Pendidikan Perbandingan

*The Theme of Education in the novel *Hatimu Aisyah* by Zurinah Hassan: A Comparative Educational Analysis*

Muhammad Zuhair Zainal^{1*}, Muhammad Norrudin Abdul Aziz²

¹Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Penang, Malaysia

²Intstitut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kota Bharu Kelantan, Jalan Maktab, Taman Orkid, 16100 Pengkalan Chepa, Kelantan, Malaysia

*Corresponding author email: zuhair@usm.my

ARTICLE HISTORY

Received: 10th February 2026

Revised: 30th March 2026

Accepted: 3rd May 2026

Published : 25th May 2026

KEYWORDS

Pendidikan

pendidikan perbandingan

novel bahasa Melayu

makna

pragmatik

ABSTRACT - Novel Hatimu Aisyah tulisan Zurinah Hassan sarat dengan makna tersirat. Terdapat pelbagai tema dan persoalan yang boleh dikaji untuk diambil manfaat daripadanya, khususnya dari aspek yang berkaitan dengan pendidikan. Oleh itu, artikel ini dihasilkan untuk mengenal pasti dan membincangkan tema-tema tentang nilai pendidikan yang terdapat dalam novel Hatimu Aisyah. Perbincangan akan melibatkan analisis pendidikan perbandingan, iaitu membandingkan nilai pendidikan dari perspektif masyarakat setempat dengan nilai pendidikan dari perspektif Islam. Analisis data kajian berdasarkan teknik analisis tematik mendapati bahawa terdapat tiga tema utama pendidikan yang terdapat dalam novel ini. Tema tersebut ialah pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan tentang kepercayaan dan pendidikan untuk kaum wanita. Melalui tema pendidikan ini, Zurinah Hassan secara implisit ingin menyeru masyarakat Melayu supaya sedar bahawa pendidikan yang benar perlu diberikan kepada anak-anak mereka, khususnya anak-anak perempuan.

Abstract - The novel Hatimu Aisyah written by Zurinah Hassan is loaded with implied meaning. There are various themes and questions that can be studied to benefit from it, especially from aspects related to education. Therefore, this article was produced to identify and discuss themes about the value of education found in the novel Hatimu Aisyah. The discussion will involve comparative education analysis, that is comparing the value of education from the perspective of the local community with the value of education from the perspective of Islam. Analysis of research data based on thematic analysis techniques found that there are three main themes of education found in this novel. The themes are early childhood education, faith education and education for women. Through this theme of education, Zurinah Hassan implicitly wants to call on the Malay community to realize that the right education needs to be given to their children, especially girls.

Keywords: education, comparative education, Malay novel, meaning, pragmatics

PENGENALAN

Kemunculan genre novel dalam dunia sastera telah sedikit sebanyak telaha dapat membentuk pembangunan minda sesebuah masyarakat (Marzalina *et al.*, 2016; Jumali, 2009). Hal ini dikatakan demikian kerana dalam sesebuah karya sastera, terutamanya novel terakamnya idea Zurinah Hassan tentang kritikan atau kupasan terhadap sesuatu isu dan permasalahan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Melalui kritikan dan kupasan tersebut, secara tidak langsung minda masyarakat dapat

diasah untuk mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi isu dan permasalahan yang wujud tersebut melalui strategi yang pelbagai.

Hal yang sama berlaku dalam novel *Hatimu Aisyah*. Pengarangnya, iaitu Zurinah Hassan telah menghasilkan novel *Hatimu Aisyah* bagi memberikan kritikan terhadap isu dan permasalahan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat pada waktu itu. Melalui novel tersebut, Zurinah Hassan ingin menentengahkan isu dan permasalahan yang dihadapi oleh kaum wanita yang melalui dua fasa kehidupan yang berbeza, iaitu fasa kehidupan masyarakat tradisional dan fasa kehidupan masyarakat moden. Dalam awal penulisan novel ini, Zurinah Hassan telah mengisahkan kehidupan Aisyah yang membesar dalam fasa kehidupan masyarakat tradisional. Pada fasa kehidupan ini, Aisyah perlu mematuhi norma kehidupan masyarakat tradisional. Selain itu, pada fasa ini juga, Aisyah terpaksa mengorbankan aspek pendidikan bagi dua orang anaknya disebabkan ingin memenuhi tuntutan norma masyarakat tradisional pada waktu tersebut. Kemudian, pada fasa kehidupan masyarakat moden, Zurinah Hassan telah mengisahkan kehidupan Aisyah yang berusaha membina keluarganya dengan mengutamakan aspek pendidikan moden kepada anak-anaknya. Namun begitu, anak-anaknya yang berpendidikan telah menyanggah "kebenaran" dan membantah peraturan serta adat yang dipegang oleh nenek moyang mereka.

Novel *Hatimu Aisyah* sarat dengan makna tersirat. Zurinah Hassan secara kreatif telah menghasilkan novel ini bagi mengangkat martabat kaum wanita yang tabah menghadapi liku-liku kehidupan pada dua fasa kehidupan yang berbeza (Nur Zalikha *et al.*, 2020). Dalam penulisan novel ini, banyak persoalan yang berkaitan dengan nilai pendidikan yang dipegang oleh masyarakat pada waktu tersebut. Persoalan-persoalan tersebut cuba diketengahkan oleh Zurinah Hassan kerana penulis ingin membuka minda masyarakat supaya mereka dapat berfikir tentang nilai pendidikan yang sewajarnya perlu diamalkan oleh masyarakat, khususnya bagi masyarakat Melayu Islam.

Sehubungan itu, artikel ini dihasilkan bagi mengenal pasti dan membincangkan tema-tema tentang nilai pendidikan terdapat dalam novel *Hatimu Aisyah*. Perbincangan akan melibatkan analisis pendidikan perbandingan, iaitu membandingkan nilai pendidikan dari perspektif masyarakat setempat dengan nilai pendidikan dari perspektif Islam.

Zurinah Hassan dan Novel *Hatimu Aisyah*

Zurinah Hassan merupakan Sasterawan Negara ke-13. Beliau dilahirkan pada 13 Jun 1949 di Bakar Bata, Alor Setar, Kedah. Beliau dibesarkan di Tikam Batu, Kedah. Beliau telah memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada tahun 2008. Zurinah Hassan dilantik sebagai Pakar Perunding dan Fellow Penyelidik di Akademi pengajian Melayu, Universiti Malaya sehingga menamatkan perkhidmatannya pada bulan Oktober 2015. Sebelum itu, beliau bertugas sebagai Pegawai Penerangan di Jabatan Penerangan dan Ketua Cawangan Pengurusan Maklumat di Kementerian Penerangan Malaysia. Beliau merupakan seorang penulis yang prolific. A. Rahman Napih (1995) telah mengiktiraf Zurinah Hassan sebagai salah seorang daripada empat orang tokoh puisi yang paling banyak memberikan sumbangan dalam bidang puisi di Malaysia selain Muhammad Haji Salleh, Kemala, dan Baha Zain. Keunggulan karya Zurinah Hassan terbukti apabila beliau telah menerima beberapa anugerah, seperti Anugerah Penulisan Asia Tenggara (S.E.A Write Award, 2004), Anugerah Sunthorn Phu (Hadiah Puisi Negara-negara ASEAN, 2013), dan anugerah Puisi Putera, 1984 (Hadiah Utama).

Zurinah Hassan telah menghasilkan novel *Hatimu Aisyah* pada tahun 1991. Novel ini merupakan sebuah novel "rakaman dekad" yang menggambarkan jurang generasi antara dua keturunan. Aisyah telah dididik secara tradisional yang segala-galanya mesti akur dengan norma-norma masyarakat dan orang tua-tua. Dua orang anak perempuannya "terkorban" kerana tidak dapat melawan norma masyarakat ini. Apabila membina keluarganya sendiri, suasananya sudah berubah. Anak-anaknya menyanggah "kebenaran" yang dipelajarinya dulu, bersoal jawab mengenai sesuatu yang meragukan, membantah peraturan adat yang dianggap lapuk dan usang oleh mereka. Semua tindakan mereka tidak pernah terlintas di hatinya apalagi untuk dilakukan pada zamannya dulu. Pada mulanya, sangat sukar untuk dia menerima perubahan ini. Akan tetapi, akhirnya dia terpaksa mengikut arus pemodenan itu. Dia berjaya membina keluarganya walaupun semua anaknya tidak ada di sampingnya seperti yang diharap-harapkan. Novel *Hatimu Aisyah* secara jelas telah menonjolkan perjuangan Zurina Hassan

untuk mengetengahkan isu-isu yang dihadapi oleh kaum wanita Melayu di samping untuk mengangkat martabat dan jasa bakti yang dicurahkan oleh kaum wanita kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Perjuangan Zurinah Hassan ini bukan sahaja diterjemahkannya dalam bentuk novel, bahkan dalam bentuk cerpen juga. Kajian Shahul Hamid *et al.* (2023) tentang cerpen-cerpen Zurinah Hassan mendapati bahawa cerpen-cerpen Zurinah Hassan sememangnya telah memainkan peranan penting dalam usaha mengangkat martabat kaum wanita, terutamanya tentang kesukaran yang dihadapi kaum wanita Melayu untuk menyesuaikan diri dengan keluarga dan pekerjaan mereka. Cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh beliau merupakan wahana untuk menonjolkan norma budaya dan beban yang ditanggung oleh kaum wanita Melayu, terutamanya dalam urusan menjaga rumah tangga dan meneruskan pekerjaan.

Kajian juga mendapati bahawa konflik yang wujud dalam cerpen-cerpen Zurinah Hassan melibatkan dua faktor utama, iaitu faktor emosi dan psikologi. Kedua-dua faktor ini menjadi elemen penting bagi kaum wanita Melayu dalam usaha mereka untuk mengimbangi kerjaya dan urusan rumah tangga. Kajian Shahul Hamid *et al.* (2023) merumuskan bahawa wanita Melayu sukar untuk mengimbangi urusan kerjaya dengan urusan rumah tangga mereka kerana kaum wanita Melayu sentiasa menghadapi pelbagai cabaran. Antara cabaran yang diketengahkan oleh Zurinah Hassan dalam cerpen-cerpen beliau berkaitan dengan tekanan tanggungjawab antara keluarga dengan kerjaya, pengurusan masa yang tidak berkesan, kekurangan sokongan daripada keluarga, dan isu kesaksamaan jantina dalam sektor pekerjaan.

Pendidikan Perbandingan

Pendidikan perbandingan ialah satu bidang kajian yang berkaitan dengan perbandingan teori dan amalan pendidikan terkini di negara yang berbeza untuk tujuan meluaskan pemahaman tentang masalah pendidikan yang berlaku di luar sistem pendidikan negara sendiri (Dale, 2005). Pendidikan perbandingan bukan hanya membuat perbandingan tentang falsafah atau teori pendidikan yang pelbagai, tetapi turut membuat perbandingan tentang amalan sebenar yang terhasil daripada falsafah atau teori yang dikaji (Kandel, 1957), seperti penetapan matlamat dan objektif pendidikan, kurikulum dan perkaedahan pengajaran, hubungan dengan guru dengan murid, takwim persekolahan, disiplin pelajar, reka bentuk bangunan sekolah, sistem pentadbiran dan sebagainya (Brindhamani & Marisamy, 2016).

Selain itu, kajian pendidikan perbandingan ini bertujuan untuk meneliti secara sistematik dan kritis tentang persamaan dan perbezaan sesuatu falsafah, teori, amalan dan budaya yang terbit daripada sistem pendidikan bagi sesebuah atau pelbagai masyarakat (Brindhamani & Marisamy, 2016) atau wilayah, negeri atau negara (Osokoya, 1992) dan meneliti strategi penyelesaian yang diguna pakai untuk menyelesaikan masalah yang wujud dalam sesebuah sistem pendidikan tersebut (Mallinson, 1975). Kajian pendidikan perbandingan bukan terhad kepada dua budaya atau sistem pendidikan daripada dua negara yang berbeza (atau lebih), tetapi perbandingan boleh dilakukan terhadap dua budaya atau sistem pendidikan yang berbeza dalam sesebuah masyarakat, wilayah, negeri atau negara (Brindhamani & Marisamy, 2016).

Kajian pendidikan perbandingan juga telah banyak memberikan sumbangan terhadap pembangunan budaya (Rappleye, 2020). Hasil daripada penyelidikan tersebut telah dapat memelihara dan meningkatkan identiti budaya serta kelangsungan budaya kebangsaan. Bidang kajian ini juga sangat menitikberatkan interaksi antara budaya dan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini berlaku demikian kerana proses pengajaran yang melibatkan aktiviti sosial yang berteraskan budaya menjadi satu daripada faktor kepada kejayaan sistem pendidikan (Atta, 2021). Kajian pendidikan perbandingan dilihat telah memainkan peranan penting bagi merapatkan budaya dan tradisi selain menyumbang kepada pembangunan teori, metodologi, dasar dan amalan pendidikan di seluruh dunia (Crossley, 2008).

Pendidikan perbandingan ialah bidang kajian yang pelbagai disiplin dan dinamik yang cuba menangani kerumitan sistem pendidikan di seluruh dunia. Pelbagai metodologi diintegrasikan dalam bidang kajian ini agar kewibawaan dan keupayaannya dapat ditingkatkan bagi menawarkan pelbagai maklumat yang berguna tentang pendidikan di seluruh dunia. Oleh sebab itu, penyelidik berusaha untuk menggunakan analisis pendidikan perbandingan dalam kajian ini bagi membincangkan tema pendidikan dalam novel Hatimu Aisyah kerana karya Zurinah Hassan ini sarat dengan elemen budaya dan pendidikan.

Selain itu, kajian pendidikan perbandingan ini bertujuan untuk meneliti secara sistematik dan kritis tentang persamaan dan perbezaan sesuatu falsafah, teori, amalan dan budaya yang terbit daripada sistem pendidikan bagi sesebuah atau pelbagai masyarakat (Brindhamani & Marisamy, 2016) atau wilayah, negeri atau negara (Osokoya, 1992) dan meneliti strategi penyelesaian yang diguna pakai untuk menyelesaikan masalah yang wujud dalam sesebuah sistem pendidikan tersebut (Mallinson, 1975). Kajian pendidikan perbandingan bukan terhad kepada dua budaya atau sistem pendidikan daripada dua negara yang berbeza (atau lebih), tetapi perbandingan boleh dilakukan terhadap dua budaya atau sistem pendidikan yang berbeza dalam sesebuah masyarakat, wilayah, negeri atau negara (Brindhamani & Marisamy, 2016).

Kajian pendidikan perbandingan juga telah banyak memberikan sumbangan terhadap pembangunan budaya (Rappleye, 2020). Hasil daripada penyelidikan tersebut telah dapat memelihara dan meningkatkan identiti budaya serta kelangsungan budaya kebangsaan. Bidang kajian ini juga sangat menitikberatkan interaksi antara budaya dan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini berlaku demikian kerana proses pengajaran yang melibatkan aktiviti sosial yang berteraskan budaya menjadi satu daripada faktor kepada kejayaan sistem pendidikan (Atta, 2021). Kajian pendidikan perbandingan dilihat telah memainkan peranan penting bagi merapatkan budaya dan tradisi selain menyumbang kepada pembangunan teori, metodologi, dasar dan amalan pendidikan di seluruh dunia (Crossley, 2008).

Pendidikan perbandingan ialah bidang kajian yang pelbagai disiplin dan dinamik yang cuba menangani kerumitan sistem pendidikan di seluruh dunia. Pelbagai metodologi diintegrasikan dalam bidang kajian ini agar kewibawaan dan keupayaannya dapat ditingkatkan bagi menawarkan pelbagai maklumat yang berguna tentang pendidikan di seluruh dunia. Oleh sebab itu, penyelidik berusaha untuk menggunakan analisis pendidikan perbandingan dalam kajian ini bagi membincangkan tema pendidikan dalam novel Hatimu Aisyah kerana karya Zurinah Hassan ini sarat dengan elemen budaya dan pendidikan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bertujuan meneroka tema pendidikan dalam novel Hatimu Aisyah karya Zurinah Hassan. Kajian ini menggunakan kaedah hermeneutik fenomenologi. Hermeneutik fenomenologi merupakan metodologi penyelidikan kualitatif yang berasal daripada tradisi hermeneutik yang memberikan tumpuan kepada pentafsiran teks dan makna berasaskan pengalaman-pengalaman yang sedia ada (Nawawi, 2017). Berbeza daripada kaedah fenomenologi yang lain, fungsi utama kaedah hermeneutik fenomenologi adalah untuk menyelami dan memahami sesuatu fenomena dengan lebih mendalam tentang pengalaman manusia (Bynum & Varpio, 2018). Dalam bidang pendidikan, penggunaan kaedah hermeneutik fenomenologi telah terbukti sangat bermanfaat. Kaedah hermeneutik fenomenologi dapat memudahkan pelibatan para pengkaji dengan pengalaman pendidikan dan menawarkan huraian tekstual yang beraneka serta bermakna. Kaedah ini tidak hanya meningkatkan pengetahuan dan pemahaman secara mendalam terhadap sesuatu fenomena pendidikan, tetapi kaedah ini menjadi suatu alat yang penting kepada para pengkaji yang ingin menyelami lapisan-lapisan pengalaman pendidikan yang kompleks (Dangal & Joshi, 2020). Proses pentafsiran teks dan makna melalui kaedah ini melibatkan tiga langkah, iaitu bacaan naif, analisis struktur dan pemahaman menyeluruh bagi menjelaskan konsep-konsep asas seperti fenomena, makna, serta pengalaman hidup (Lindseth & Norberg, 2021).

Kajian ini menggunakan teknik analisis tematik bagi menganalisis data kajian. Prosedur penganalisan data melalui teknik ini melalui enam langkah seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006), iaitu membiasakan diri dengan data, menghasilkan kod awal, menjanakan tema, menyemak tema, menentukan dan menamakan tema, dan menghasilkan laporan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis kandungan, terdapat tiga tema utama tentang pendidikan dalam Novel Hatimu Aisyah. Tema tersebut ialah tema pendidikan awal kanak-kanak, tema pendidikan tentang kepercayaan dan tema pendidikan untuk kaum wanita. Tema dan subtema pendidikan dalam novel Hatimu Aisyah adalah seperti di dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1. Tema dan subtema pendidikan dalam novel Hatimu Aisyah

Bil	Tema	Subtema
1	Pendidikan awal kanak-kanak	i.Nasihat i.Memberikan tugas kepada anak untuk mendidik mereka menjadi ketua i.Pembelajaran sejarah melalui penceritaan /.Belajar sambil bermain /.Belajar melalui pengalaman
2	Pendidikan tentang kepercayaan	i.Keimanan kepada Allah i.Perkhidmatan bomoh i.Pantang larang yang bersifat tidak saintifik dan tidak masuk akal
3	Pendidikan untuk kaum wanita	i.Pembelajaran dari rumah i.Bersekolah sehingga peringkat rendah sahaja i.Belajar kemahiran untuk manfaat diri dan keluarga

Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Melalui tema ini, Zurinah Hassan memberikan gambaran bahawa masyarakat Melayu telah memberikan pendidikan awal kepada anak-anak mereka. Pendidikan tersebut dilakukan secara tidak formal. Antara strategi pendidikan awal kanak-kanak yang diamalkan oleh masyarakat Melayu ialah:

- i. *Nasihat*
Data contoh: Ingat Aisyah, jaga adik baik-baik. Jangan beri adik-adik main dekat telaga.
- ii. *Memberikan tugas kepada anak untuk mendidik mereka menjadi ketua*
Data contoh: Sehingga ibu balik, Aisyahlah yang menjalankan peranannya sebagai orang tua.
- iii. *Pembelajaran sejarah melalui penceritaan*
Data contoh: Datuk pun meneruskan ceritanya tentang moyang mereka yang bernama Darus. Riwayat moyang itu adalah seluruh riwayat kesengsaraan.
- iv. *Belajar sambil bermain*
Data contoh: Sebenarnya Aisyah dan Timah bukanlah bermain semata-mata. Mereka disuruh bermain-main di bawah pokok keriang lada rimbun itu kerana dekat situ ibu telah menjemur padi. Ibunya berpesan supaya menghalau ayam kalau ada ayam datang memakan padi.
- v. *Belajar melalui pengalaman*
Data contoh: Apabila melalui waktu-waktu yang payah begini, Aisyah cuba mengingat semula cerita-cerita yang didengarnya daripada mulut datuk.

Pendidikan awal kanak-kanak yang diamalkan oleh masyarakat Melayu pada waktu tersebut tidak menyanggahi konsep pendidikan dalam Islam. Hal ini dikatakan begitu kerana Islam sendiri menggalakkan ibu bapa supaya mendidik anak-anak mereka melalui nasihat sepertimana kisah Luqman dengan anaknya dalam al-Quran:

Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu ialah satu kezaliman yang besar". (31: 13).

Konsep pendidikan secara bermain, melalui penceritaan dan pengalaman yang diamalkan oleh masyarakat Melayu turut disarankan oleh Islam. Konsep pendidikan seperti ini dapat membentuk perkembangan kognitif, jasmani, psikomotor dan emosi kanak-kanak. Dalam Islam, pendidikan yang berkaitan dengan keperluan kognitif dikenali sebagai *ta'lim al-tifl*, manakala pendidikan yang berkaitan dengan jasmani dan psikomotor serta pertumbuhan emosi dikenali sebagai tarbiyah *al-tifl* (Almuddin et al., 2016).

Pendidikan Tentang Kepercayaan

Untuk tema ini, Zurinah Hassan cuba mendedahkan cara masyarakat Melayu mendidik anak-anak mereka tentang kepercayaan. Antara strategi yang digunakan oleh masyarakat Melayu untuk mendidik anak-anak mereka tentang kepercayaan ialah:

- i. *Keimanan kepada Allah*
Data contoh: Aisyah mesti banyak-banyak berdoa dan berserah kepada Allah. Allah sudah menjadikannya seorang perempuan. Perempuan-perempuan yang terkorban akibat bersalin mencapai taraf mati syahid.
- ii. *Perkhidmatan bomoh*
Data contoh: Dolah memang kerap menangis dan mengganggu ibu pada waktu malam. Kata nenek, Dolah diganggu hantu syaitan. Ibu dan ayah pernah pergi kepada bomoh-bomoh yang pandai meminta tangkal untuk melindungi Dolah.
- iii. *Pantang larang yang bersifat tidak saintifik dan tidak masuk akal*
Data contoh: Tak boleh membiarkan orang lain mengangkat periuk yang kita letakkan di atas bangku. Hal ini berlaku kerana bayi yang dikandung tidak mahu lahir kalau orang yang mengangkat periuk itu tidak bersama untuk menyambutnya.

Pendidikan tentang kepercayaan terhadap bomoh dan pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat Melayu ini bertentangan dengan Islam. Secara khusus, Islam melarang penganutnya supaya percaya kepada bomoh dan pantang larang kerana kedua-dua perkara tersebut boleh mengandungi elemen khurafat yang akan menyebabkan seseorang individu menyekutukan Allah. Hal ini jelas ditegaskan dalam Nabi Muhammad SAW seperti berikut:

Sesiapa yang mendatangi dukun atau tukang ramal, lalu dia membenarkan apa yang dikatakannya, maka sungguh ia telah kufur kepada apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW (Hadis riwayat Ahmad: 9171).

Dalam konteks kebudayaan masyarakat Melayu, ibu bapa memperkenalkan pantang larang, hantu, jin bertujuan untuk menakut-nakutkan anak-anak mereka supaya memudahkan mereka untuk menjaga anak-anak (Saparudin *et al.*, 2017). Islam menegah perbuatan sebegini (Muhammad Shahrulnizam, 2020) kerana situasi ini bukan sahaja merosakkan pemikiran anak-anak, malahan kajian yang dilakukan oleh Saparudin *et al.*, 2017 (hlm. 4) mendapati bahawa perbuatan seperti ini akan menyebabkan lebih banyak kejadian histeria berlaku dalam kalangan anak-anak.

Pendidikan untuk Kaum Wanita

Tema ini merupakan tema pendidikan yang paling utama yang ingin diketengahkan oleh Zurinah Hassan. Melalui tema ini, penulis ingin menyatakan bahawa masyarakat Melayu pada waktu tersebut kurang berminat untuk memberikan pendidikan formal kepada kaum wanita, terutamanya anak-anak perempuan mereka. Antara strategi pendidikan untuk kaum wanita yang diamalkan oleh masyarakat Melayu pada ketika itu ialah:

- i. *Pembelajaran dari rumah*
Data contoh: Aisyah harus pula patuh kepada bermacam-macam peraturan baharu yang menyusahkan. Sewaktu memasak di dapur, dia dikenakan larang-larangan baharu. Kalau dia yang meletakkan periuk di atas tungku dapur, dialah yang mesti mengangkatnya balik apabila sudah masak.
- ii. *Bersekolah sehingga peringkat rendah sahaja*
Data contoh: Biarlah dulu, emak. Bapa mereka hendakkan mereka bersekolah. Lagipun Cuma setahun lagi, Si Milah akan tamat darjah enam.

iii. *Belajar kemahiran untuk manfaat diri dan keluarga*

Data contoh: Menurut ibu, seorang anak gadis mesti pandai menganyam. Kalau dia sudah berkahwin nanti boleh membuat tikar untuk tempat tidur anak-anaknya. Kalau anyamannya halus dan cantik, bolehlah dijadikan alas sembahyang suaminya.

Dalam novel ini, penulis menggambarkan bahawa masyarakat Melayu dahulu kurang berminat untuk memberikan pendidikan formal kepada kaum wanita, khususnya kepada anak-anak perempuan mereka disebabkan faktor-faktor tertentu, antaranya ialah:

- a. Kemiskinan
- b. Tidak mahu anak-anak mereka terdedah kepada budaya Barat seperti pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan
- c. Perempuan hanya perlu bekerja di dapur sahaja
- d. Terpengaruh dengan diayah tokoh masyarakat yang menentang sistem pendidikan moden
- e. Ibu bapa atau ahli keluarga yang memandang serong terhadap wanita yang mendapatkan pendidikan formal di sekolah moden
- f. Ingin mengahwinkan anak perempuan pada usia muda

Pemikiran dan kesedaran masyarakat Melayu terhadap pendidikan untuk kaum wanita seperti yang digambarkan oleh Zurinah Hassan melalui subtema bersekolah sehingga peringkat rendah sahaja tidak sama seperti yang dianjurkan oleh Islam sendiri. Islam sebenarnya memberikan hak pendidikan yang sama rata untuk kaum lelaki dan kaum perempuan. Hal ini boleh diteliti dalam dalam hadis berikut:

Berhimpunlah para wanita pada hari sekian, sekian. Maka mereka pun berkumpul. Lalu Rasulullah SAW datang kepada mereka dan mengajarkan kepada mereka apa yang telah diajarkan oleh Allah SWT kepadanya. Setelah itu baginda bersabda: Tidak ada seorang wanita pun antara kamu yang akan kehilangan tiga orang anaknya, melainkan anaknya itu melindungi ibunya dari api neraka. Seorang perempuan daripada mereka berkata: Wahai Rasulullah, sekiranya dua, dua, dua. Baginda bersabda: Walaupun dua, dua, dua (Hadis riwayat Muslim: 2633)

Menerusi hadis di atas, dapat difahami bahawa untuk memastikan wanita diberikan hak untuk mendapat pendidikan berkaitan Islam, maka Nabi Muhammad SAW meminta wanita tersebut untuk berkumpul bersama-sama para wanita yang lain pada hari yang ditetapkan untuk proses pengajaran. Hal ini menunjukkan bahawa betapa Nabi Muhammad SAW mengambil berat tentang pendidikan untuk para wanita pada zaman baginda (Hasan *et al.*, 2016).

KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam novel Hatimu Aisyah terdapat tema yang berkaitan dengan pendidikan. Setelah diteliti dan dikaji, terdapat subtema daripada tema pendidikan tersebut yang selari dengan konsep pendidikan dalam Islam, seperti nasihat, memberikan tugas kepada anak untuk mendidik mereka menjadi ketua, pembelajaran sejarah melalui penceritaan, belajar sambil bermain, belajar melalui pengalaman, keimanan kepada Allah, pembelajaran dari rumah, dan belajar kemahiran untuk manfaat diri dan keluarga. Namun begitu, terdapat juga subtema pendidikan yang menyimpang dengan konsep pendidikan dalam Islam, iaitu perkhidmatan bomoh, pantang larang yang bersifat tidak saintifik dan tidak masuk akal, dan bersekolah sehingga peringkat rendah sahaja. Selain itu, melalui tema dan subtema pendidikan yang telah dikenal pasti, Zurinah Hassan secara tersirat ingin menyatakan khalayak pembaca bahawa masyarakat Melayu perlu memberikan pendidikan yang benar kepada anak-anak mereka sesuai dengan arus perkembangan semasa, lebih-lebih lagi kepada anak-anak perempuan. Pendidikan tentang kepercayaan terhadap bomoh, pantang larang yang khurafat dan tidak bersifat saintifik perlu ditinggalkan. Sebagai masyarakat Islam, perkara tersebut tidak lagi relevan dipelajari dan diamalkan kerana perkara-perkara tersebut tidak mampu memberikan sebarang impak untuk kemajuan dan kesejahteraan hidup masyarakat.

PENGHARGAAN

Para penyelidik kajian ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia dan Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kota Bharu Kelantan kerana memberikan kebenaran untuk menjalankan kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan mengenai penerbitan kertas ini. Semua peringkat penyelidikan, termasuk pengumpulan data, analisis, dan tafsiran, telah dijalankan secara objektif dan bebas, tanpa sebarang pengaruh luar.

SUMBANGAN PENULIS

Pengarang telah memberikan sumbangan saintifik yang signifikan kepada penyelidikan dalam manuskrip, meluluskan tuntutannya, dan bersetuju untuk menjadi pengarang.

PENGISYTIHARAN AI GENERATIF

Semasa penyediaan kerja ini, penulis menggunakan *ChatGPT (OpenAI)* untuk meningkatkan kejelasan dan kebolehbacaan manuskrip. Selepas menggunakan alat ini, pengarang menyemak dan menyunting kandungan seperti yang diperlukan dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk kandungan penerbitan.

PENYATA ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

- Almuddin, M. H., Jamil, A. I., & Sa'ari, C. Z. (2016). Amalan pendidikan kanak-kanak dalam islam: practice of child education in Islam. *Journal of Islamic Educational Research*, 1, 1-10.
- Atta, B. (2021). culture and learning in the early years of school in international contexts: a comparative appraisal of culture and pedagogy. *Journal of Early Childhood Care and Education*, 5, (2), 91–96.
- Awolola, A. (1986). Readings in Comparative Education. Ibadan: Stevelola Educational Publishers.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Brindhamani, M., & Marisamy, K. (2016). Comparative education. Solapur: Laxmi Book Publication.
- Bynum, W., & Varpio, L. (2018). When I say... hermeneutic phenomenology. *Medical Education*, 52(3), 252-253.
- Crossley, M. (2008). Bridging cultures and traditions for educational and international development: comparative research, dialogue and difference. In: Majhanovich, S., Fox, C., Kreso, A.P. (eds) *Living Together* (hlm. 33-50). Springer, Dordrecht.
- Dale, R. (2005). Globalisation, knowledge economy and comparative education. *Comparative Education*, 41(2), 117–149.
- Dangal, M., & Joshi, R. (2020). Hermeneutic phenomenology: *Essence in educational research*. *Open Journal for Studies in Philosophy*, 4(1), 25-42,
- Hasan, S. N. W., & Abdullah, R. (2016). The rights of muslim women's and education. *Journal of Shariah Law Research*, 1(1).
- Jumali Selamat. (2009). Aplikasi teori pengkaedahan melayu dalam menjaras ribut menerusi pendekatan dakwah. *Jurnal Personalita Pelajar*, 12, 19-37.
- Kandel (1957). Studies in comparative education. London: Harrop.
- Lindseth, A., & Norberg, A. (2022). Elucidating the meaning of life world phenomena. A phenomenological hermeneutical method for researching lived experience. *Scandinavian Journal of Caring Sciences*, 36(3), 883-890.

- Mallinson V. (1975). An introduction to the study of comparative education. London: Heinemann Publishers.
- Mana Sikana. (1995). Penyair-penyair Terkemuka Malaysia: Analisis Puitika Tekstual. *Perisa: Jurnal Puisi Melayu*, 3(56).
- Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim & Hasmawati Hassan. (2017). Pemikiran dalam novel Sebalik Yamashita dan Percival. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1).
- Muhammad Shahrulnizam Muhadi. (2020, 29 Januari). AL-AFKAR #85: Adakah Hantu-hantu yang digambarkan Masyarakat Itu Wujud? <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/4071-al-afkar-85-adakah-hantu-hantu-yang-digambarkan-masyarakat-itu-wujud>
- Nawawi, M. A. (2017). Metode hermeneutika kesadaran (fenomenologi) dalam memahami teks al-burhan. *Jurnal Kajian Ilmu dan Pengembangan Budaya Al-Qur'an*, 17(2), 185-206.
- Nur Zalikha Mat Radzi, Nasirin Abdillah & Daeng Haliza Daeng Jamal (2020). Hatimu Aisyah karya Zurinah Hassan menerusi perspektif Elaine Showalter model bahasa. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 8(2), 54–62.
- Osokoya, I.O. (1992): Comparative education. Ibadan: University of Ibadan.
- Rappleye, J. (2020). Comparative education as cultural critique. *Comparative Education*, 56(1), 39-56.
- Saparudin, I. F., Sham, F. M., & Hamjah, S. H. (2017). Hubungan Aspek Kepercayaan dan Budaya Masyarakat dengan Simptom Psikiatri Remaja Muslim Histeria. *Human Sustainability Procedia*.
- Shahul Hamid, M. N., Abdul Rahman, N. S., Md. Ali, R., & Karimon, J. (2023). Malay women's challenges in balancing careers and households: A textual analysis study of selected short stories by Zurinah Hassan. *Cogent Arts & Humanities*, 10(1), 1-14.
- Zurinah Hassan. (2019). Hatimu Aisyah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan: Sasterawan Negara Ke-13 (2016). Klib Web Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://klikweb.dbp.my/?p=18442>